



**MAJLIS DAERAH KAMPAR
PERAK DARUL RIDZUAN**

PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut: -

<u>Bil.</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Gred</u>	<u>Taraf Jawatan</u>	<u>Kekosongan</u>
1.	Pegawai Tadbir (Penilaian)	N41	Tetap/Kontrak	1


CARA MEMOHON:

- a. Semua permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Kampar atau melayari laman web rasmi Majlis Daerah Kampar di pautan www.mdkampar.gov.my.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar ukuran pasport, salinan Kad Pengenalan dan Surat Beranak, Sijil Tamat Sekolah, Sijil Persekolahan, kelulusan akademik serta dua keping sampul surat beralamat sendiri dengan setem RM1.50.
- c. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan.
- d. Keterangan lanjut mengenai iklan seperti syarat-syarat lantikan boleh didapati di Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia Majlis Daerah Kampar pada waktu pejabat atau melalui telefon 05-4671052, 05-4671059 dan 05-4671027.
- e. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada:-

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar,
Kompleks Pentadbiran MDKpr,
Jalan Iskandar,
31900 Kampar,
Perak Darul Ridzuan.
- f. Tarikh tutup permohonan adalah pada **29 September 2023**.

CATATAN AM :

- a. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi tidak akan diterima. Sila nyatakan TIADA atau '---' sekiranya tidak berkaitan;
- b. Hanya calon yang berjaya selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga dan keputusan pemilihan adalah muktamad;
- c. Segala tuntutan perbelanjaan berkaitan dengan permohonan atau temuduga dan permohonan lewat dan tidak lengkap tidak akan dilayan;
- d. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.



(AHMAD SUQAIRY BIN ALIAS)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar



**MAJLIS DAERAH KAMPAR
PERAK DARUL RIDZUAN**

PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut: -

JAWATAN	:	PEGAWAI TADBIR N41
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)
JADUAL GAJI	:	(MINIMUM - MAKSIMUM)
		RM 2,080.00 - RM 9,546.00
TARAF JAWATAN	:	TETAP / KONTRAK

- 1. SYARAT LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) i) Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00).
- 2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN** Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir (Penilaian) Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau ii) lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(b) had umur pelantikan:

- i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.